

Petronas perlu cermat berbelanja

KEMAMAN, Khamis — Petronas hari ini mengingatkan jangan membelanjakan "wang minyak" sewenang-wenangnya kerana wang itu adalah milik negara yang mesti dibelanjakan untuk kepentingan rakyat.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata walaupun Petronas syarikat yang terkaya di negara ini dan mempunyai simpanan wang yang banyak, semua wang itu hendaklah dibelanjakan dengan berhati-hati supaya semua rakyat mendapat manfaat.

Dalam hubungannya ini, beliau mahu Petronas mengadakan pengurusan yang lebih cekap dan bijak, supaya wang yang diamanahkan oleh rakyat itu tidak digunakan secara yang membazirkan.

Biayai

Berucap merasmikan Lapangan Terbang Kertih yang berharga \$75 juta, 40 kilometer dari sini, Perdana Menteri berkata beliau yakin Petronas sedar pentingnya pengurusan yang cekap.

Hadir sama di upacara itu ialah Datin Paduka Dr Siti Hasmah, Pengerusi Petronas Raja Tan Sri Mohar bin Raja Badiozaman, Menteri Besar, Datuk Haji Wan Mokhtar Ahmad dan isteri.

Mengenai pembinaan Lapangan Terbang Kertih, Perdana Menteri menyifatkan projek itu sebagai unik kerana dibiayai sepenuhnya oleh Petronas.

Katanya, perbelanjaan sebanyak itu melebihi kos pembinaan lapangan

Wang minyak adalah milik negara — Mahathir

terbang awam di negeri-negeri ini.

"Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi di Kedah yang boleh digunakan oleh pesawat Airbus cuma menelan belanja \$70 juta, tetapi Lapangan Terbang Kertih yang berharga \$75 juta, boleh digunakan oleh pesawat Foker 27 saja," ujarnya.

Sambil berseloroh Perdana Menteri berkata: "Nampaknya taraf Terengganu lebih tinggi daripada Kedah dan mungkin ini disebabkan ia menjadi Kuwait Malaysia".

Bagaimanapun, Perdana Menteri berharap lapangan terbang itu akan ditingkatkan tarafnya menjadi lapangan terbang awam, yang bukan sahaja digunakan oleh mereka yang berurusan dengan perusahaan petroleum, tetapi juga orang awam terutama penduduk tempatan.

Raja Tan Sri Mohar dalam ucapannya berkata, lapangan terbang itu, yang mula beroperasi Mac lalu, dibina oleh Perbadanan Memajukan Ikhtisad Negeri Terengganu (PMINT) dan kosnya di-

biayai oleh Petronas. Ia disewakan oleh Kerajaan Terengganu kepada Petronas untuk tempoh 30 tahun dengan pilihan tambahan 30 tahun lagi.

Lapangan terbang itu dirancang pada tahun 1979 dan kerja pembinaan bermula tahun 1982. Ia mempunyai landasan sepanjang 1,400 meter, lebar 30 meter dan boleh menampung pendaratan pesawat Foker 27.

Katanya, lapangan terbang itu juga mempunyai pangkalan helikopter untuk mengangkut kakitangan industri petroleum ke pelantar-pelantar minyak di luar pantai Terengganu.

Pangkalan helikopter itu boleh menampung lapangan buah helikopter pada satu-satu masa dan sebuah hangar untuk enam buah pesawat.

Raja Tan Sri Mohar menerangkan, lapangan terbang itu diuruskan oleh Petronas dan ia boleh digunakan oleh orang awam yang berulang alik dari Kuala Lumpur dengan Kertih atas urusan peribadi, rasmi atau perniagaan.

511 15 AUG 1985